



# FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN DALAM NEGERI MELAKA

BIL	PERKARA	TARIKH WARTA
1	Pengharaman Tariqat Naqsyabandiah Kadirun Yahya	14 Ogos 1986
2	Pengharaman Kumpulan Darul Arqam @ Al-Arqam serta buku bertajuk: (a) 'Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan'; dan (b) 'Manaqib (riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi'.	11 Ogos 1994
3	Kewajipan pihak berkuasa negeri membayar pampasan kepada Majlis Agama Islam Melaka jika tanah wakaf diambil balik untuk kepentingan awam supaya dapat diganti dengan tanah lain sebagai mengekalkan wakaf dan menunaikan kehendak pewakaf.	2 Februari 1995
4	Pengharaman ajaran dan fahaman golongan anti hadis yang terkandung dalam buku-buku berikut: (a) 'Hadis Satu Penilaian Semula' oleh Kassim Ahmad; (b) 'Hadis Jawapan Kepada Pengkritik' oleh Kassim Ahmad; (c) 'Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu: Hadis Di Dalam Al-Quran' oleh Hj. Idris Abd. Rahman; (d) 'Bacaan' oleh Othman Ali; (e) 'The Computer Speaks : God's Message to The World' oleh Dr. Rashad Khalifah; dan (f) Risalah 'Iqra' terbitan Jemaah Al-Quran Malaysia	29 Februari 1996
5	Menetapkan bahawa umat Islam di Negeri Melaka hendaklah mengikut Undang-undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariat dan akhlaq serta larangan menyebarkan apa-apa ajaran selain pegangan tersebut.	24 Julai 1997
6	Kewajipan mengeluarkan zakat ke atas pendapatan penggajian bagi orang yang layak di Negeri Melaka	25 Mei 2000
7	Pengharaman ajaran Qadiani (Qadianiah/Ahmadiyah)	12 Julai 2001
8	Pengharaman ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana (Hakikat Insan)	12 Julai 2001
9	Pengharaman ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Al-Mas)	12 Julai 2001
10	Pengharaman ajaran Tariqat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin	12 Julai 2001
11	Keharusan menggunakan nama Islam pada pertubuhan dan pengiktirafan seseorang itu sebagai orang Islam jika telah menepati rukun Iman dan Islam	13 September 2001
12	Pengharaman ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit	16 Januari 2003
13	Pengharaman ajaran Zamre bin Ab. Wahab	29 Januari 2003
14	Pengharaman ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd.)	3 Jun 2004
15	Fatwa mengenai takrifan anak tak sah taraf	27 Oktober 2005
16	Pengharaman ajaran dan fahaman Kumpulan Black Metal	2 November 2006
17	Pengharaman ajaran Budi Suci	2 Ogos 2007
18	Pengharaman usaha-usaha menghidupkan semula Al-Arqam melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) & rangkaian syarikat gabungannya	2 Ogos 2007
19	Fatwa mengenai pentafsiran hukum syara' ke atas wakaf-wakaf yang tidak jelas penyerahannya dalam negeri Melaka	2 Ogos 2007

Keterangan atau maklumat lanjut mengenai fatwa-fatwa yang diwartakan dalam Negeri Melaka boleh dirujuk melalui laman web <http://www.al-azim.com/jmm> atau sila hubungi Bahagian Buhuth dan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Melaka di talian 06 284 7920/21, faks 06 284 8144 atau email [jkmufti@tm.net.my](mailto:jkmufti@tm.net.my)

Alamat : Jabatan Mufti Negeri Melaka, Aras 2, Kompleks Majlis Agama Islam Melaka, Bukit Palah, 75150 Melaka